

'Najib tak pernah tanya sumber dana dalam akaun'

Ambank gagal maklumkan BNM beberapa transaksi wang masuk ke akaun peribadi bekas PM

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak tidak pernah bertanyakan dari mana sumber dana berjumlah RM2.6 bilion yang masuk ke dalam empat akaun Ambank miliknya.

Perkara itu dimaklumkan bekas Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, ketika menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya Kamal Bahrin Omar pada sesi pemeriksaan utama dalam kes penyelewengan dana RM2.3 bilion milik 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dihadapi Najib di Mahkamah Tinggi, semalam.

Zeti yang bersara pada 30 April 2016 berkata, Najib tidak pernah pada bila-bila masa membuat pertanyaan mengenai sumber transaksi dana itu kepada BNM. **Kamal Bahrin:** Adakah Najib pada bila-bila masa bertanya mengenai sumber transaksi dalam empat akaunnya?
Zeti: Tidak

Kamal Bahrin: Terdapat RM2.6



Zeti hadir bagi memberi keterangan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

bilion dalam akaun Najib sebelum Pilihan Raya Umum Ke-13. Adakah BNM atau anda mempunyai pengetahuan berhubung jumlah itu dalam akaunnya?

Zeti: Bank Pusat dan saya pada masa itu tidak mempunyai pengetahuan mengenai dana besar dalam akaun beliau.

Sementara itu, Zeti yang juga saksi pendakwaan ke-46 berkata, Ambank gagal memaklumkan beberapa transaksi dana yang masuk ke dalam akaun peribadi Najib dan berdasarkan Sistem Transaksi Antarabangsa (ITIS) menunjukkan bank itu hanya melaporkan ia dimasukkan dalam akaun bank berkenaan sahaja.

Kamal mengemukakan pertanyaan itu ketika merujuk saksi

kepada artikel *Malaysiakini* bertarikh 2 Julai 2018 di mana Najib mendakwa bahawa Zeti sedar mengenai wang berjumlah RM2.6 bilion yang dimasukkan ke dalam akaun AmIslamic miliknya, tetapi tidak menimbulkan sebarang persoalan.

Satu akaun ditetap "MY"

Menurut Zeti, pada ketika itu BNM dimaklumkan terdapat hanya satu akaun yang ditetapkan sebagai 'MY' bagi akaun Sistem Pemantauan Operasi Ringgit (ROMS), bagaimanapun hanya mengetahui pada Disember 2014 bahawa Najib membuka tiga akaun lain pada 2013.

Saksi itu berkata, secara keseluruhan, BNM mengetahui Najib mempunyai empat akaun wa-

laupun akaun pertama ditutup pada 30 Ogos 2013.

Dalam keterangan sebelum ini, Zeti berkata beliau tidak mengetahui sejumlah besar wang di dalam akaun Najib dan dia juga tidak tahu bahawa itu adalah dana 1MDB dan mengulangi kenyataannya hari ini.

Beliau menegaskan, mengikut undang-undang sekiranya BNM mendapat maklumat terdapat transaksi yang tidak teratur atau mencurigakan, ia perlu memaklumkan kepada agensi penguatkuasaan dan dalam kes ini, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta polis.

Katanya, BNM tidak dibenarkan memaklumkan perkara itu kepada pihak lain, termasuk pemegang akaun.